

30/08/1999

Amaran terhadap parti politik bangkitkan isu sensitif

GEORGETOWN, Ahad - Kerajaan memberi amaran akan mengambil tindakan sewajarnya terhadap parti politik yang membangkitkan isu sensitif seperti perkauman dan agama dalam ceramah mereka, hingga menyentuh sensitiviti rakyat pelbagai kaum di negara ini.

Sehubungan itu, Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi, mengingatkan semua parti politik supaya tidak membuat kenyataan boleh menimbulkan suasana tidak baik dan ketegangan antara kaum.

"Dalam keghairahan berpolitik, cuba fikirkan sekatan (undang-undang yang ada) dan jangan buat ikut suka hati. Nak kata apa, kata sajalah. Kita tak mahu kerana nak amalkan demokrasi sepenuhnya, kita tak tahu lagi batasan undang-undang serta sensitiviti rakyat dan penganut agama yang ada di negara ini.

"Kalau politik dimainkan dengan sebegitu cara sekali sehingga menimbulkan keadaan yang tidak baik, itu adalah politik yang tidak bertanggungjawab," katanya kepada pemberita selepas mengadakan mesyuarat dengan Badan Perhubungan Umno Pulau Pinang, di sini, hari ini.

Beliau berkata demikian ketika diminta mengulas taktik baru Pas yang menggunakan penceramah bukan Islam untuk mendakwa parti itu sebagai parti Islam, manakala Umno bukan parti Islam.

Pada ceramah selepas majlis sembahyang hajat Kubra bersama Ulama anjuran Pas di Jejawi Dalam, dekat Arau, Perlis, malam semalam, Chong Thian Teik yang mendakwa berketurunan Cina bercampur Siam, berkata hanya Pas parti yang memperjuangkan Islam.

Penceramah undangan Pas itu juga mencarut dan memaki hamun pemimpin Umno, termasuk Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Abdullah yang juga Menteri Dalam Negeri berkata, kerajaan bertanggungjawab menjaga keselamatan dan keamanan serta ada peruntukan khusus dalam Akta Hasutan menangani isu itu.

"Justeru, janganlah ada sesiapa mencetuskan keadaan yang boleh menggugat keselamatan dan keamanan. Bagaimanapun, kerajaan tahu antara permainan politik dan apa yang ada hubung kait dengan undang-undang dan kesalahan," katanya sambil menambah tindakan tidak akan dibuat sewenang-wenangnya tanpa berasaskan perundangan.

Mengulas tuduhan Pas bahawa Umno bukan parti Islam, beliau berkata memang benar Umno bukan ditubuhkan sebagai parti Islam, tetapi sebagai Pertubuhan Kebangsaan Melayu Bersatu.

"Umno adalah parti nasionalis dan kita tidak pernah daftar Umno sebagai parti Islam. Tetapi Umno memperjuangkan hal berkaitan negara dan rakyat Malaysia, khasnya orang Melayu," katanya.

(END)